

## **ISSUES AND CHALLENGES IN CAREER CHOICE AMONG EARLY CHILDHOOD EDUCATION STUDENTS**

***Isu dan Cabaran Pemilihan Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Awal Kanak-Kanak***

*Siti Amelya Amdan*  
Universiti Selangor  
[s.amelyaa@gmail.com](mailto:s.amelyaa@gmail.com)

*Nurafiqah Syazwani Aripin*  
Universiti Selangor  
[afiqahsyazwani1504@gmail.com](mailto:afiqahsyazwani1504@gmail.com)

*Saturia Amiruddin*  
Universiti Selangor  
[msriya@unisel.edu.my](mailto:msriya@unisel.edu.my)

*Normazita Hashim*  
Universiti Selangor  
[normazita@unisel.edu.my](mailto:normazita@unisel.edu.my)

### **Abstract**

*Career choice is one of the most significant challenges that a person has to face in his life. Therefore, selecting the right career and according to the approval, interests, and personality of the self is a crucial thing in determining the direction of one's life. This study aimed to identify the issues and challenges that influence career choice and identify factors that influence career choice among early childhood education students. This quantitative study randomly distributed the questionnaire online to 100 early childhood education students of Universiti Selangor, Malaysia. Data analysis had utilized the Statistical Package for the Social Science (SPSS) software to analyse the data. Descriptive statistics were presented in the form of percentage, mean, and mode. Through the results of the study, findings showed that many students were stuck at the level of Education they are at, and the salary was not commensurate with their qualifications.*

**Keywords:** Issues, Challenges, Career Choices, Early Childhood Education

## **Abstrak**

*Pemilihan kerjaya merupakan antara cabaran yang dihadapi seseorang dalam hidupnya. Oleh itu, memilih kerjaya yang tepat mengikut minat dan kelayakan seseorang adalah bahagian penting dalam menentukan arah kehidupan seseorang. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti isu dan cabaran yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif di mana borang soal selidik diedarkan secara dalam talian kepada 100 orang pelajar pendidikan awal kanak-kanak Universiti Selangor secara rawak. Data dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Science (SPSS). Kaedah statistik yang digunakan untuk menganalisis data ialah statistik deskriptif seperti peratus, min dan mod. Melalui hasil dari dapatan kajian menunjukkan ramai pelajar tersebut dengan Pendidikan yang mereka ada tetapi gaji yang diberikan tidak setimpal dengan kelayakan mereka.*

**Kata kunci:** Isu, Cabaran, Pemilihan Kerjaya, Pendidikan Awal Kanak-Kanak

## **PENGENALAN**

Kerjaya merupakan suatu pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang individu untuk mendapatkan ganjaran dalam menempuh kehidupan mereka pada masa hadapan. Pekerjaan juga ialah kerja yang berterusan atau kesinambungan yang berkaitan dengan pengalaman dan sikap yang berlaku dalam kehidupan seseorang (Suhaila Nadzri et al., 2015). Pemilihan kerjaya sepatutnya bertepatan dengan minat (Mohd Faizal Mat Pesa et al., 2020) dan kemahiran seseorang, namun seringkali para graduan terpaksa membuat pemilihan kerjaya semata-mata untuk mengisi kekesongan pekerjaan. Kerjaya merujuk kepada istilah profesion dan perjalanan atau kemajuan seseorang dalam kehidupan (Norlizawati Hashim & Norhafinas Abd Latib, 2020). Oleh itu, pelajar-pelajar seharusnya didedahkan lebih awal dengan alam pekerjaan agar mereka terdedah dan lebih mengetahui bidang pekerjaan yang ingin ceburi pada masa hadapan. Sebagai contoh, pelajar yang mengambil jurusan pendidikan awal kanak-kanak di Universiti hendaklah didedahkan skop pekerjaan yang mereka boleh ceburi selepas tamat pengajian.

Menurut teori Super, konsep kendiri dalam kerjaya berkembang melalui pertumbuhan fizikal dan mental, pemerhatian tehadap pekerjaan, persekitaran dan pengalaman yang dialami oleh seseorang itu. Di samping itu, Super juga menjelaskan bahawa dalam pengembangan kerjaya, faktor-faktor seperti minat, keluarga, rakan sebaya dan masyarakat harus dipertimbangkan. Terdapat pelbagai faktor dalam pemilihan kerjaya dalam kalangan mahasiswa iaitu faktor dalaman (intrinsik) dan luaran (ekstrinsik) atau pun berdasarkan lokus

kawalan seseorang individu (Khairul Syafiq Jalalludin & Salina Mohammed Rashid, 2018). Mahasiswa yang menamatkan pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT) sudah semestinya mengharapkan mereka akan memperolehi kerjaya yang bersesuaian dengan bidang pengajian mereka semasa di Universiti. Walau bagaimanapun, tidak semua graduan IPT mendapat pekerjaan dalam bidang yang mereka ceburi di Universiti. Hal ini kerana pelbagai faktor luaran seperti kekurangan pekerjaan kosong, ganjaran yang rendah dan tidak setimpal, faktor dorongan atau halangan keluarga dan sebagainya.

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti isu dan cabaran pemilihan kerjaya dalam kalangan graduan pendidikan awal kanak-kanak. Kesedaran masyarakat sekarang ini telah menganggap profesi sebagai perguruan itu merupakan pilihan yang kedua dan ada juga masyarakat yang menganggap sebagai pilihan terakhir (Yahya Bin Buntat & Khadijah Binti Hassan, 2018). Hal ini akan menjadi masalah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membentuk Pendidikan Negara. Sekiranya individu itu melakukan pekerjaan secara terpaksa dan melakukan sesuatu yang melanggar peraturan sebagai etika seorang guru, ini akan menyebabkan masalah kepada KPM.

Selain itu, Kebanyakan individu di Malaysia tidak membuat perancangan awal dan lebih sistematik dalam membuat pemilihan kerjaya (Suhail Nadzri et al., 2015). Graduan yang baru sahaja menamatkan pengajian didapati kurangnya pengetahuan tentang skop-skop pemilihan kerjaya dalam bidang mereka. Mereka lebih mudah memilih pekerjaan yang mudah didapati dan berdasarkan apa yang terdapat di sekeliling mereka sahaja. Pemilihan kerjaya seseorang individu juga dipengaruhi oleh kemahuan atau paksaan ibubapa atau ahli keluarga disebabkan kurangnya pengetahuan mengenai bidang pengajian bagi kerjaya lain yang lebih baik. Hal ini disebabkan terdapat ibu bapa yang ingin anak-anak mereka mengikut kemahuan mereka untuk menjadi sebagai seorang guru tetapi individu tersebut tidak berminat untuk menjadi seorang guru. Oleh itu, Mereka akan lebih cenderung membuat kerja dalam keadaan terpaksa dan akhirnya berlaku masalah tidak serasi dengan pekerjaan yang diceburi (Suhail Nadzri et al., 2015).

Kajian ini dapat membantu pelajar-pelajar pendidikan awal kanak-kanak yang baru sahaja menamatkan pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dari segi penilaian kendiri terhadap penglibatannya dalam memilih bidang pendidikan. Pelajar dapat mengetahui sejauh

manakah faktor yang mempengaruhinya dalam pemilihan kerjaya sebagai seorang pendidik. Hal ini juga dapat membantu ibubapa dan keluarga mengetahui minat dan kebolehan anak-anak mereka dan membantu dalam memilih pekerjaan dan tidak memaksa mereka memilih pekerjaan yang mereka tidak ingin. Akhir sekali, Kementerian Pendidikan Malaysia akan melakukan pengambilan pelajar dalam bidang pendidikan untuk mengisi jawatan sebagai seorang guru setiap tahun. Kajian ini diharap dapat membantu semua pihak bagi mengenalpasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh para graduan dalam pemilihan kerjaya.

## **METODOLOGI**

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk deskriptif bagi mendapat keputusan yang sistematis tentang isu dan cabaran pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar pendidikan awal kanak-kanak. Kajian kuantitatif ialah kajian yang melibatkan nombor, data-data numerikal atau statistik. Ia lebih tersusun dengan kesamaran minimum, makna yang jelas, mod linear, jadual yang jelas dan fokus pada hasil. Pengkaji telah memilih 100 responden secara rawak yang terdiri daripada pelajar pendidikan awal kanak-kanak. Item soal selidik dibina dengan merujuk teori Super yang mengaitkan tentang faktor-faktor kepada pemilihan kerjaya seperti minat dan kelayakan untuk memilih kerjaya tersebut. Kajian dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik secara dalam talian yang digunakan sebagai instrumen kajian kepada pelajar tahun akhir pendidikan awal kanak-kanak bagi membantu dalam mengumpulkan isu dan cabaran pemilihan kerjaya perguruan.

Setiap data di dalam kajian ini adalah hasil dapatan daripada borang soal selidik yang dijawab sendiri oleh pelajar pendidikan awal kanak-kanak tanpa paksaan mana-mana pihak. Soal selidik diedarkan secara berperingkat dalam tempoh masa satu minggu. Borang soal selidik yang telah dijawab, dikutip pada masa yang sama bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Daripada soal selidik tersebut pengkaji akan melakukan penganalisaan data. Seterusnya, setiap data yang dikumpul dan diperolehi daripada hasil soal selidik tersebut akan dianalisis dengan menggunakan sistem SPSS iaitu *Statistical Package for Social Studies*. Data-data tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk melihat dengan lebih terperinci purata jumlah responden yang menjawab soal selidik yang diedarkan.

## DAPATAN KAJIAN

### Hasil Analisis Secara Deskriptif

Hasil analisis deskriptif menunjukkan seramai 100 orang pelajar telah menjawab borang soal selidik yang diedarkan iaitu terdiri dariapda 73% perempuan dan 27% lelaki. Kebanyakan responden dalam lingkungan umur diantara 21 hingga 25 tahun. Majoriti responden adalah berbangsa Melayu iaitu seramai 73%, diikuti dengan lain-lain bangsa 19%, serta 4% terdiri daripada pelajar berbangsa Cina dan India.

### Isu dan Cabaran Pemilihan Kerjaya

Kajian mendapati isu dan cabaran pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar pendidikan awal kanak-kanak adalah seperti di Jadual 1.

**Jadual 1:** Isu dan Cabaran Pemilihan Kerjaya Pendidikan Awal Kanak-kanak

No	Soalan	Min	Sisihan Piawai
B1	Masyarakat memandang rendah terhadap kerjaya sebagai guru tadika	3.55	.978
B2	Masyarakat memandang seorang guru tadika itu dikhususkan kepada perempuan sahaja	3.75	1.057
B3	Gaji yang rendah	3.79	.977
B4	Kerjaya sebagai guru PAKK memerlukan kelayakan akademik dan mengikuti kursus asuhan dan didikan awal kanak-kanak permata yang diiktirafkan JKM	4.17	.739
B5	Kerjaya sebagai guru prasekolah lebih mudah berbanding guru bidang lain	2.77	1.204

Jadual 1 menunjukkan bahawa isu dan cabaran pemilihan kerjaya pendidikan awal kanak-kanak yang tertinggi ialah item B4 iaitu kerjaya sebagai guru pendidikan awal kanak-kanak memerlukan kelayakan akademik dan mengikuti kursus asuhan dan didikan awal kanak-kanak permata yang diiktirafkan JKM dengan nilai skor min=4.17, sisihan piawai .739. Selain

itu, cabaran yang perlu dihadapi oleh mahasiswa adalah gaji yang rendah sebanyak 3.79, seterusnya sebanyak 3.75 masyarakat memandang seorang guru tadika itu dikhusruskan kepada perempuan sahaja. Selain itu, sebanyak 3.55 Masyarakat memandang rendah terhadap kerjaya sebagai guru tadika dan akhir sekali sebanyak 2.77 responden menyatakan masyarakat menganggap kerjaya sebagai guru prasekolah lebih mudah berbanding guru bidang lain.

### **Faktor-faktor Pemilihan Kerjaya**

Jadual 2 menunjukkan 4 faktor pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar pendidikan awal kanak-kanak.

**Jadual 2:** Faktor-faktor Pemilihan Kerjaya Pendidikan Awal Kanak-kanak

Perkara	Min	Sisihan Piawai
Minat	3.97	.440
Keluarga	3.42	.737
Rakan Sebaya	3.51	.577
Ganjaran	3.88	.549

Berdasarkan jadual 2, hasil dapatan menunjukkan faktor pemilihan kerjaya yang tertinggi adalah faktor minat iaitu dengan skor min=3.97, sisihan piawai .440.

### **PERBINCANGAN**

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa isu dan cabaran pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar pendidikan awal kanak-kanak mementingkan kelayakan akademik. Dalam pemilihan kerjaya bagi seorang guru pendidikan awal kanak-kanak, keperluan asas berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak amat penting disamping mempunyai sijil-sijil kelayakan akademik seperti Sijil Asuhan Permata dan mengikuti kursus-kursus yang berkaitan. Justeru itu, pada era pemodenan yang pesat ini, kebanyakan pekerjaan memerlukan ijazah sarjana muda, dan pendapatan bergantung pada kelayakan akademik atau kemahiran pemohon sedangkan ramai graduan Pendidikan awal kanak-kanak hanya memiliki diploma. Malahan graduan yang memiliki Ijazah pula tidak dibayar dengan gaji yang setimpal menyebabkan ramai graduan Pendidikan awal Kanak-kanak terpaksa menukar kerjaya mereka. Menurut

Anuar Ahmad (2019) dalam EKSKLUSIF: Graduan, siswazah miskin, B40 sukar dapat kerja setimpal Berita Harian, penelitian terhadap data pengangguran siswazah Melayu pada 2017 dan 2018, menunjukkan secara konsisten bahawa semakin tinggi kelulusan atau pengajian maka semakin besar kebarangkalian menjadi penganggur. Hal ini kerana, kebanyakannya syarikat yang memilih individu yang berkelayakan tetapi tidak membayar gaji dengan jumlah yang setimpal mengikut kelayakan graduan. Maka pada pandangan pelajar, untuk mendapatkan kelayakan akademik dan mengikuti kursus yang diperlukan memerlukan pengeluaran wang yang banyak tetapi untuk bekerja dengan kelayakan yang ada gaji dengan individu yang tidak mempunyai kelayakan akademik serta tidak mengikuti kursus yang diperlukan adalah sama dan tiada beza.

Faktor minat merupakan faktor utama yang mempengaruhi dalam pemilihan kerjaya kerana pelajar pendidikan awal kanak-kanak mempunyai minat yang cenderung menjadi seorang guru dan mendapat pendedahan yang meluas. Berdasarkan dapatan kajian juga faktor minat amat mempengaruhi pelajar dalam membuat pilihan kerjaya selepas tamat pengajian. Hal ini bertepatan dengan kajian Mohd Faizal Mat Pesa et al. (2020) dalam kajian Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Dalam Pemilihan Kerjaya: Kajian Di Jabatan Pelancongan Dan Hospitaliti, Politeknik Merlimau. Semasa memilih bidang kerjaya, minat adalah aspek penting, kerana dengan minat, individu akan lebih terdorong untuk bekerja. Faktor ini dianggap penting oleh pelajar kerana ianya perlu untuk mengelakkan dari kesilapan memilih kerjaya diluar bidang yang akan merosakkan minat. Namun berdasarkan dapatan kajian, walaupun para graduan mempunyai minat yang tinggi dalam Pendidikan awal kanak-kanak Masyarakat sering memandang rendah terhadap kerjaya sebagai guru tadika menyebabkan mereka hilang keyakinan terhadap haluan kerjaya yang dipilih. Para graduan lelaki khususnya sukar mendapat tempat dalam taska dan tadika kerana ramai masyarakat menganggap kerjaya seorang guru tadika dan taska adalah dikhususkan kepada perempuan sahaja. Jika perkara ini tidak dipandang serius oleh pihak yang berkenaan tidak mustahil jika para graduan Pendidikan awal kanak-kanak ramai yang akan menukar bidang dalam kerjaya mereka kerana pandangan masyarakat yang tidak melihat kehadiran mereka dalam membantu Pendidikan di Malaysia. Diharapkan pihak yang berkuasa dapat melihat perkara ini dan membantu para graduan Pendidikan awal kanak-kanak untuk maju kehadapan.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, tugas seorang pendidik merangkumi pelbagai aktiviti. Pendidik dapat memperuntukkan masa bukan hanya untuk aktiviti pengajaran, tetapi juga untuk aktiviti kokurikulum, menyelaraskan aktiviti pengembangan profesional, dan berinteraksi dengan ibu bapa dan masyarakat. Pada masa akan datang, graduan akan diambil bekerja apabila mereka dapat menguasai kemampuan minimum yang ditetapkan oleh kursus kejururawatan dan pendidikan awal yang diluluskan oleh JKM untuk anak-anak yang berharga. Syarat ini adalah untuk memastikan bahawa hanya guru terbaik dan berkelayakan yang boleh terlibat dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

## **PENGHARGAAN**

Kumpulan penyelidik ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada mereka yang terlibat terutama kepada responden-responden yang sudi meluangkan masa untuk menjawab soal selidik dalam menjayakan kajian ini. Diharap kajian ini dapat membuka mata masyarakat dan membantu pelajar-pelajar membuat keputusan dalam memilih bidang kerjaya pada masa hadapan.

## **Rujukan**

- Anuar Ahmad (2019). *Eksklusif: Graduan Siswazah Miskin B40 sukar dapat kerja setimpal*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/582258/eksklusif-graduan-siswazah-miskin-b40-sukar-dapat-kerja-setimpal>
- Khairul Syafiq Jalalludin & Salina Mohammed Rashid. (2018). Pengaruh Faktor Persekutaran Terhadap Pemilihan Kerjaya dalam Kalangan Mahasiswa di Fakulti Pengurusan dan Muamalah, *KUIS. Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah 2018 (ICoMM 2018)*.
- Mohd Faizal Mat Pesa, Hasbullah Mustafa & Nurul Sa`adah Mohyeddin (2020). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Dalam Pemilihan Kerjaya:Kajian Di Jabatan Pelancongan Dan Hospitaliti, Politeknik Merlimau*.
- Norlizawati Hashim & Norhafinas Abd Latib, (2020). Persepsi Pelajar Kolej Komuniti Gerik Terhadap Faktor Pemilihan Kerjaya. *International Conference on Multidisciplinary Approaches in Social Sciences, Islamic and Technology 2020 (ICMASIT 2020)*, 611.

Mohd Faizal Mat Pesa, Hasbullah Mustafa, & Nurul Sa`Adah Mohyeddin. (2020). Persepsi Pelajar Kolej Komuniti Gerik Terhadap Faktor Pemilihan Kerjaya. *International Conference On Multidisciplinary Approaches In Social Sciences, Islamic And Technology 2020*.

Suhaila Nadzri, Nor Ayuni Rosli, Nor Suhaily Bakar, & Nuzul Akhtar Baharudin. (2015). *Faktor keluarga, Ganjaran dan Kesukaran Memperolehi pekerjaan Mempengaruhi Kerjaya Yang Diceburi Alumni KUIS*. Selangor.

Yahya Bin Buntat & Muhamad Shahabudin Bin Hassan (2010). *Kemahiran Komunikasi dalam Meningkatkan Keyakinan Diri Pelajar. Satu Tinjauan di Kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa, Universiti Teknologi Malaysia*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. <http://eprints.utm.my/10998/>